

20/07/2002

Ras Adiba ke Sydney jalani pembedahan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bekas pengulas sukan TV3, Ras Adiba Radzi, (gambar) yang mengalami kecederaan saraf sehingga mengakibatkannya lumpuh pinggang ke bawah, akan berlepas ke Sydney, Australia, pada 23 atau 24 Julai ini, bagi menjalani pembedahan tulang belakangnya.

Sehingga lewat petang ini, Ras Adiba yang memerlukan RM300,000 untuk pembedahannya di Sydney, sudah ndapat mengumpul RM175,000, sumbangan pelbagai pihak.

Turut mengunjunginya di Pusat Perubatan Pantai (PMC) di sini, petang semalam, untuk memberi semangat ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Eksekutif PMC, Kalamhamidi Abu Bakar, berkata segala persiapan yang perlu sudah dilakukan oleh PMC untuk menghantar Ras Adiba ke Australia, minggu lepas.

Katanya, Ras Adiba yang mendapatkan rawatan daripada empat pakar di pusat itu sejak 11 Julai lalu kini sedang menjalani latihan fisioterapi secara intensif sebanyak dua kali sehari, walaupun beliau masih tidak dapat berjalan.

"Kumpulan pakar PMC bekerjasama dengan pakar dari Sydney, termasuk memaklumkan mengenai keadaan terkini Ras Adiba dan sudah tiba masanya beliau berlepas ke Sydney supaya pakar di sana dapat menjalankan penyelidikan dan ujian lanjut terhadapnya," katanya pada pemberita selepas melawat bekas penyampai berita TV3 itu di wadnya di sini, hari ini.

Ketua Eksekutif TV3, Ahmad Farid Ridzuan, yang turut melawat Ras Adiba bersama beberapa kakitangan pengurusan TV3, berkata kagum dengan semangat kentalnya menghadapi saat yang amat getir ini.

Katanya, sebagai menghargai jasanya kepada stesen televisyen itu, TV3 menyediakan dua tiket penerbangan pergi balik ke Australia bagi membolehkannya menjalani pembedahan itu.

Selain itu, Ahmad berkata, TV3 juga akan bekerjasama dengan anak syarikat lain di bawah kumpulan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) untuk memungut derma daripada kalangan pengurusan dan kakitangannya.

Malam ini, Tan Sri Nor Mohamad Yaccop penasihat kepada Perdana Menteri melawat Ras Adiba di hospital berkenaan.

Persatuan Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM) turut menghulurkan sumbangan sebanyak RM2,000 kepada Ras Adiba. Sumbangan disampaikan Presidennya, Mustakim Aminuddin.

Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) pula menyumbang RM5,000 disampaikan oleh Pengurus Komunikasi EON, Fauziah Abdul Aziz ketika melawat Ras Adiba petang ini.